

KEISTIMEWAAN MANHAJ AL-QURAN DALAM MEMBENTUK DAN MEMPERBAIKI STRUKTUR SOSIAL MASYARAKAT

Haizuran Mohd Jani¹, Muhamad Fairuz Ali²

¹Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

²Fakulti Dakwah, Pendidikan dan Peradaban Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Al-Quran merupakan kitab suci yang berperanan sebagai panduan hidup umat manusia merentasi zaman. Manhaj al-Quran mempunyai keistimewaan yang unik dalam membentuk dan memperbaiki struktur sosial masyarakat melalui pendekatan yang komprehensif, seimbang dan sesuai dengan fitrah manusia. Artikel ini meneliti keistimewaan manhaj al-Quran dari aspek tarbiah individu, pengukuhan institusi keluarga, pembinaan akhlak mulia, serta pembentukan masyarakat berteraskan prinsip keadilan, persaudaraan dan kesejahteraan. Metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan ayat-ayat al-Quran dan rujukan tafsir untuk mengenal pasti prinsip manhaj al-Quran dalam pembentukan struktur sosial masyarakat. Melalui konsep tazkiyah al-nafs (penyucian jiwa), syura (musyawarah), amar makruf nahi mungkar serta penekanan terhadap nilai kasih sayang dan keadilan sosial, al-Quran membimbing manusia dalam melahirkan masyarakat harmoni dan berdaya maju. Kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan manhaj al-Quran tidak hanya terletak pada kesempurnaan isi kandungannya yang bersifat universal, tetapi juga pada metodologi praktikal yang sentiasa relevan sepanjang zaman. Justeru, penghayatan serta penerapan manhaj al-Quran merupakan asas penting dalam membina struktur sosial yang seimbang, beretika dan lestari. Hasil kajian membuktikan bahawa manhaj al-Quran mempunyai keistimewaan yang tidak dapat ditandingi dalam membentuk dan memperbaiki struktur sosial masyarakat. Keistimewaan ini dapat dilihat melalui pendekatan al-Quran yang syumul, menyeluruh, dan bersepadu antara aspek rohani, jasmani, akal, serta emosi.

Kata kunci: Manhaj al-Quran, keistimewaan, struktur sosial, akhlak, masyarakat

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 30 Oktober 2025

*Corresponding Author:

Haizuran Mohd Jani,
Akademi Pengajian Quran dan
Sunnah, Universiti Islam Pahang
Sultan Ahmad Shah

Email: haizuran@unipsas.edu.my

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai petunjuk (*hudan*), rahmat (*rahmah*) dan panduan hidup bagi seluruh umat manusia. Al-Qaradawi (2000) berkata, fungsi al-Quran tidak terhad kepada aspek ibadah atau ritual keagamaan semata-mata, bahkan ia merupakan suatu manhaj (metodologi hidup) yang merangkumi seluruh dimensi kehidupan manusia, termasuklah

pembentukan akhlak, pembangunan masyarakat, pengukuhan hubungan sosial, malah pembinaan tamadun yang seimbang dan berasaskan nilai ketuhanan.

Dari sudut sejarah, (Al-Mubarakfuri, 1997) berkata, turunya al-Quran telah membawa transformasi besar terhadap masyarakat Arab Jahiliyah yang ketika itu berada dalam keadaan ketandusan moral, penuh kezaliman, perpecahan suku, penindasan terhadap golongan lemah serta ketiadaan sistem sosial yang adil. Melalui bimbingan al-Quran, masyarakat ini berubah menjadi umat yang berakhlak, bersatu, berdisiplin dan memiliki tamadun unggul hanya dalam beberapa dekad. Transformasi ini membuktikan bahawa manhaj al-Quran memiliki kekuatan yang mampu membentuk struktur sosial yang kukuh, stabil dan bermaruah berdasarkan nilai tauhid dan keadilan.

Keistimewaan manhaj al-Quran terletak pada sifatnya yang menyeluruh (*syumuliyyah*), seimbang (*tawazun*), bertahap (*tadarruj*) dan selaras dengan fitrah manusia (*muwāfaqah li al-fitrah*). Ia tidak hanya memberi peraturan, tetapi turut menyediakan asas pendidikan rohani dan intelektual yang mempengaruhi perilaku individu serta dinamika sosial (Sayyid Qutb, 2000). Manhaj ini mencakupi aspek penyucian jiwa, pembangunan keluarga, pembinaan akhlak, pemerkasaan prinsip keadilan sosial, serta pembentukan masyarakat melalui mekanisme seperti *syura* dan *amar makruf nahi mungkar*.

Dalam konteks dunia moden yang berhadapan dengan krisis moral, keruntuhan institusi keluarga, ketidakseimbangan sosial dan cabaran globalisasi, kajian terhadap manhaj al-Quran dalam membina struktur sosial menjadi semakin penting. Pemahaman yang mendalam terhadap prinsip-prinsip al-Quran dapat menawarkan penyelesaian holistik kepada masalah sosial kontemporari sebagaimana telah dibuktikan dalam perkembangan tamadun Islam klasik dan moden (Ramadan, 2014). Artikel ini menyumbang kepada wacana ilmiah dengan meneliti aspek-aspek utama manhaj al-Quran serta menilai relevansinya dalam pembangunan masyarakat masa kini.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembentukan masyarakat Islam bermula daripada perubahan individu melalui wahyu. Al-Quran memfokuskan pembinaan akidah sebelum perundangan, pendidikan sebelum penguatkuasaan, dan pengukuhan nilai sebelum sistem sosial. Model ini, apabila diaplikasikan secara menyeluruh, berjaya membina generasi sahabat yang menjadi asas tamadun Islam.

Namun, masyarakat moden mengalami kepingangan sosial seperti gejala sosial remaja, keruntuhan institusi keluarga, rasuah, ekstremisme, dan ketidakseimbangan ekonomi. Walaupun pelbagai dasar diperkenalkan, penyelesaian tidak menyentuh dasar spiritual dan moral yang menjadi tunjang pembinaan sosial menurut al-Quran. Pelbagai kepingangan dalam struktur kehidupan manusia berlaku sekiranya penghayatan al-Quran tidak diamalkan dan tidak dijadikan panduan hidup. Kepingangan dalam sosiologi masyarakat ini jika tidak dibendung ianya akan menjadi barah yang bakal merosak dan memusnahkan kehidupan sedikit demi sedikit. Justeru, kajian ini mengangkat keistimewaan manhaj al-Quran sebagai model alternatif dan bersepadu untuk pembinaan masyarakat moden.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengupas secara terperinci keistimewaan manhaj al-Quran dalam

membentuk dan memperbaiki struktur sosial masyarakat melalui empat objektif utama, iaitu:

- 3.1 Mengkaji prinsip-prinsip utama manhaj al-Quran dalam pembentukan struktur sosial masyarakat.
- 3.2 Menjelaskan bagaimana al-Quran memperbaiki dan mereformasi masyarakat Jahiliyyah sebagai model transformasi sosial.
- 3.3 Menganalisis tema-tema al-Quran berkaitan tarbiah, pembentukan akhlak, keadilan, keluarga, dan hubungan sosial.
- 3.4 Menilai kesesuaian manhaj al-Quran dalam menangani isu-isu sosial masyarakat moden.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tempatan dan antarabangsa menunjukkan kesepakatan bahawa al-Quran merupakan panduan abadi dalam membentuk struktur sosial yang adil dan harmoni. Sidek Baba (2009) menegaskan bahawa masyarakat Qurani dibentuk berasaskan pendidikan berterusan (tarbiah) yang bermula daripada individu sebelum berkembang kepada masyarakat. Hashim Musa (2001) pula melihat tamadun al-Quran sebagai asas pembinaan sosial yang menekankan keseimbangan antara aspek rohani dan material.

Dalam konteks pendidikan Islam, Mohd Kamal Hassan (2011) menekankan bahawa pembinaan masyarakat moden perlu berasaskan kefahaman agama yang integratif, iaitu menggabungkan ilmu duniawi dan ukhrawi. Wan Mohd Nor Wan Daud (2013) turut menekankan bahawa budaya ilmu merupakan elemen penting dalam struktur sosial yang sihat, selaras dengan tuntutan al-Quran yang mendorong manusia berfikir, menilai, dan mencari kebenaran.

Sementara itu, Sayyid Qutb (2000) dalam *Fi Zilal al-Quran* menegaskan bahawa al-Quran adalah manhaj *hayah* (sistem hidup) yang lengkap, yang berfungsi untuk membimbing manusia dalam semua aspek kehidupan. Al-Ghazali (2005) pula menekankan bahawa penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) menjadi asas utama dalam membentuk individu soleh yang kemudiannya melahirkan masyarakat sejahtera. Sorotan ini menunjukkan bahawa al-Quran bukan sahaja berperanan dalam kehidupan spiritual, tetapi juga sebagai mekanisme reformasi sosial dan pembinaan tamadun.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu kebanyakannya memberi tumpuan kepada aspek konseptual dan falsafah tanpa menghuraikan bagaimana prinsip-prinsip tersebut berfungsi secara khusus dalam pembentukan struktur sosial. Terdapat juga kekurangan kajian komprehensif yang menggabungkan lima komponen utama pembinaan sosial dalam satu kerangka analisis yang bersepadu. Oleh itu, kajian ini berusaha menampung kelompongan tersebut dengan meneliti secara integratif peranan manhaj al-Quran dalam membentuk dan memperbaiki struktur sosial masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini berasaskan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan ayat-ayat al-Quran dan rujukan tafsir untuk mengenal pasti prinsip manhaj al-Quran dalam pembentukan struktur sosial masyarakat.

Secara terperinci metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah berikut:

Analisis Dokumen

- i. Kitab tafsir klasik dan kontemporari
- ii. Hadis sahih
- iii. Jurnal akademik
- iv. Buku sosiologi Islam

Kaedah Analisis Kandungan (Content Analysis)

Digunakan untuk:

- i. Menyaring tema utama ayat al-Quran berkaitan pembentukan masyarakat
- ii. Mengkategorikan prinsip manhaj al-Quran kepada topik: akidah, akhlak, keluarga, ekonomi, sosial, kehakiman
- iii. Membandingkan dapatan literatur dengan realiti sosial masa kini

Pendekatan Tematik

Tema utama dianalisis berdasarkan prinsip hermeneutik Islam, iaitu memahami teks dalam konteks maqasid al-Syariah dan Sirah.

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian tentang keistimewaan manhaj al-Quran sangat penting bagi memahami bagaimana masyarakat dapat dibangunkan secara harmoni, berakhlak mulia, dan lestari. Dihuraikan lima tema Manhaj al-Quran yang dilihat sangat penting bagi membangun dan membentuk masyarakat yang menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup dan seterusnya dapat membina struktur sosial yang seimbang, beretika dan lestari. Tema-tema manhaj al-Quran ini merangkumi aspek tarbiah, pembentukan akhlak, keadilan, keluarga, dan hubungan sosial.

TEMA-TEMA MANHAJ AL-QURAN

Tarbiah Individu sebagai Asas Perubahan Sosial

Individu merupakan unit asas dalam sesebuah masyarakat. Oleh itu, al-Quran memberi perhatian yang besar kepada pembentukan individu beriman dan berakhlak mulia. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۚ ﴿١١﴾

“Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri.”
(al-Ra'd: 11)

Ayat ini menegaskan bahawa perubahan sosial bermula daripada perubahan individu. Al-Quran mendidik manusia dengan akidah yang benar, ibadah yang ikhlas, dan akhlak yang luhur. Pendidikan rohani melalui *tazkiyah al-nafs* menjadikan individu lebih bertanggungjawab, berintegriti, dan berperanan sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Sarjana Islam seperti al-Ghazali menekankan bahawa tarbiah individu bukan sahaja melibatkan aspek rohani, tetapi juga meliputi intelektual, emosi, dan sosial. Dalam konteks moden, hal ini bermaksud individu Muslim perlu dididik bukan sahaja dengan ilmu agama, tetapi juga ilmu kontemporari agar mereka mampu menghadapi cabaran global tanpa mengabaikan prinsip Islam.

Menurut Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shaharudin (2012), pendidikan merupakan teras kepada pembangunan sesebuah masyarakat dan negara. Tanpa pendidikan, masyarakat umumnya akan hidup dalam kemunduran di samping akan menyebabkan keruntuhan moral yang berleluasa. Selaras dengan kepentingannya, maka ianya perlu dijadikan satu agenda penting yang patut dilaksanakan mengikut landasan yang sewajarnya. Dalam konteks pendidikan Islam, pendidikan hendaklah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang didasari oleh tauhid dan keesaan Allah SWT. Kegagalan untuk meletakkan al-Quran dan al-Sunnah dalam pendidikan Islam akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk sahsiah muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Ibn Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah turut menegaskan bahawa perubahan masyarakat adalah kesan langsung daripada perubahan cara fikir dan disiplin sendiri individu. Ini menunjukkan bahawa keruntuhan sosial hari ini berpunca daripada kegagalan proses pembentukan insan, sekali gus mengukuhkan keperluan kembali kepada manhaj tarbiah al-Quran sebagai asas reformasi sosial.

Pengukuhan Institusi Keluarga

Keluarga ialah unit sosial terkecil yang menjadi asas kepada kestabilan masyarakat. Al-Quran memberikan panduan menyeluruh mengenai hubungan kekeluargaan, peranan suami isteri, tanggungjawab ibu bapa, dan pendidikan anak-anak. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia menciptakan untukmu pasangan-pasangan daripada jenismu sendiri, supaya kamu merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya di antaramu rasa kasih sayang dan rahmat. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir”
(al-Rum: 21)

Institusi keluarga yang kukuh melahirkan generasi berakhlak dan bertanggungjawab. Panduan al-Quran ini amat relevan pada hari ini ketika institusi keluarga berdepan pelbagai cabaran seperti penceraian, keruntuhan akhlak anak muda, dan ketidakseimbangan tanggungjawab. Sarjana Melayu seperti Sidek Baba (2009) menekankan bahawa keluarga Qurani dibina melalui penghayatan nilai al-Quran yang berasaskan kasih sayang, amanah, dan tanggungjawab bersama.

Menurut Yusuf al-Qaradawi (2010), keluarga ialah "madrasah awal" bagi pembentukan identiti dan moral anak-anak, dan keruntuhan institusi ini akan membawa keruntuhan masyarakat secara keseluruhan. Kajian oleh Abdullah Nasih Ulwan (2011) menunjukkan bahawa pendidikan anak berdasarkan nilai Qurani meningkatkan kestabilan keluarga dan mengurangkan masalah sosial. Ini mengukuhkan hujah bahawa kekuatan sosial yang mapan hanya dapat dicapai melalui keluarga yang mengikuti kerangka nilai al-Quran.

Pembinaan Akhlak dan Nilai Murni

Manhaj al-Quran menekankan bahawa akhlak adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera. Firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

“Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) benar-benar berbudi pekerti agung”

(al-Qalam: 4)

Akhlak mulia meliputi sifat jujur, amanah, sabar, tolong-menolong, dan ihsan. Nabi Muhammad SAW menegaskan bahawa baginda diutus untuk menyempurnakan akhlak mulia (riwayat al-Bukhari). Hashim Musa (2001) menekankan bahawa pembinaan masyarakat melalui akhlak lebih berkesan berbanding sekadar penguatkuasaan undang-undang, kerana akhlak yang dihayati akan membentuk disiplin sendiri dalam masyarakat. Dalam konteks semasa, keruntuhan akhlak generasi muda dan budaya hedonisme menjadi cabaran besar. Oleh itu, pendekatan al-Quran yang menekankan pembinaan akhlak sejak peringkat individu dan keluarga adalah kunci kepada pembinaan masyarakat harmoni.

Menurut Asmawati Suhid (2008) pula berpendapat bahawa kemerosotan umat Islam bermula apabila dimensi akhlak diabaikan dalam pendidikan. Justeru, pembinaan akhlak Qurani tidak hanya bersifat spiritual, tetapi merupakan strategi sosial yang terbukti efektif dalam membentuk masyarakat berdisiplin dan beretika.

Prinsip Keadilan Sosial

Keadilan ialah tunjang kepada struktur sosial menurut al-Quran. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ.... ﴿٩٠﴾

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan...” *(al-Nahl: 90)*

Al-Quran menolak segala bentuk penindasan, diskriminasi, dan kezaliman. Sebaliknya, ia menekankan prinsip persamaan, persaudaraan, dan kesejahteraan sejagat. Mohd Kamal Hassan (2011) menegaskan bahawa pembangunan masyarakat Islam moden tidak akan berjaya tanpa penerapan prinsip keadilan yang holistik, meliputi aspek ekonomi, politik, dan sosial. Keadilan sosial menurut al-Quran bukan sahaja menjaga hak individu, malah memastikan keseimbangan dalam agihan kekayaan, peluang pendidikan, dan perlindungan terhadap golongan lemah. Konsep ini amat relevan dalam menangani ketidakadilan sosial di dunia moden.

Menurut Ibn Taymiyyah (1963), sesuatu kerajaan boleh kekal walaupun kufur, tetapi tidak akan kekal jika zalim," menunjukkan betapa keadilan adalah asas ketahanan sosial. Sarjana kontemporari seperti Tariq Ramadan (2008) menegaskan bahawa keadilan sosial Qurani menuntut perlindungan hak asasi, peluang saksama dan agihan kekayaan yang adil. Prinsip ini amat penting dalam menangani ketidaksamaan ekonomi dan ketidakadilan global masa kini.

Mekanisme Sosial: Syura dan Amar Makruf Nahi Mungkar

Al-Quran menekankan syura (musyawarah) sebagai asas dalam membuat keputusan kolektif. Firman Allah SWT:

وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

“Dan urusan mereka dijalankan secara musyawarah di antara mereka, dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya”
(al-Syura: 38)

Syura menjamin keterlibatan masyarakat dalam proses membuat keputusan, sekaligus mengelakkan authoritarianisme. Prinsip ini menjadi asas kepada tadbir urus yang adil dan berintegriti. Selain itu, amar makruf nahi mungkar merupakan mekanisme penting dalam menjaga kelestarian masyarakat. Firman Allah SWT:

وَلَتَكُن مِّنكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ

هُمُ الْمُفْلِحُونَ

“Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar; dan merekalah orang-orang yang berjaya”
(Ali ‘Imran: 104)

Amar makruf nahi mungkar memastikan masyarakat sentiasa berada di atas landasan kebenaran, sekaligus membendung gejala negatif seperti rasuah, penindasan, dan keruntuhan moral. Wan Mohd Nor Wan Daud (2013) menekankan bahawa prinsip syura dan amar makruf nahi mungkar perlu diterapkan dalam budaya ilmu dan kepimpinan agar masyarakat Islam dapat dibangunkan secara holistik. Hal ini sejajar dengan pendapat al-Mawardi yang mengatakan syura adalah asas kepada pemerintahan yang sah dan beretika, kerana ia memastikan kuasa tidak dimonopoli oleh segelintir pihak (Rohani, 2022). Ibn Kathir (2000) pula menjelaskan bahawa amar makruf nahi mungkar merupakan mekanisme sosial yang menjaga keseimbangan moral masyarakat dan mencegah kerosakan struktur sosial. Di era moden, prinsip ini seiring dengan konsep *"check and balance"* dalam tadbir urus yang baik.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa manhaj al-Quran mempunyai keistimewaan yang tidak dapat ditandingi dalam membentuk dan memperbaiki struktur sosial masyarakat. Keistimewaan ini dapat dilihat melalui pendekatan al-Quran yang syumul, menyeluruh, dan bersepadu antara aspek rohani, jasmani, akal, serta emosi. Al-Quran tidak hanya menggariskan panduan untuk individu, tetapi turut memberi asas kukuh kepada pembangunan keluarga, komuniti, dan negara. Pendekatan yang digariskan

tidak bersifat terpisah, sebaliknya membentuk satu ekosistem sosial yang harmoni, adil, dan seimbang.

Melalui tarbiah individu, al-Quran menekankan bahawa pembinaan masyarakat bermula daripada penyucian jiwa dan pembentukan peribadi yang kukuh. Institusi keluarga yang berlandaskan kasih sayang dan tanggungjawab pula menjamin kelahiran generasi yang berakhlak dan berdisiplin. Selain itu, nilai akhlak yang ditekankan oleh al-Quran seperti amanah, adil, sabar, dan ihsan menjadi asas kepada hubungan sosial yang sihat dan bebas daripada keruntuhan moral. Prinsip keadilan sosial yang digariskan memastikan hak setiap individu dipelihara tanpa diskriminasi, manakala mekanisme syura serta amar makruf nahi mungkar membentuk kerangka masyarakat yang bertanggungjawab secara kolektif.

Dari perspektif kontemporari, keistimewaan manhaj al-Quran juga jelas apabila diaplikasikan dalam menangani isu-isu moden seperti ketidakadilan sosial, keruntuhan moral, perpecahan keluarga, dan cabaran globalisasi. Al-Quran bukan sahaja relevan pada zaman awal Islam, malah terus menjadi panduan yang sesuai untuk semua masa dan tempat. Ini membuktikan sifat universal al-Quran yang melampaui batas ruang dan waktu.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penghayatan dan pengaplikasian manhaj al-Quran adalah keperluan mendesak bagi umat Islam masa kini. Ia perlu diterjemahkan dalam bentuk sistem pendidikan, dasar pembangunan, amalan pentadbiran, dan kehidupan berkomuniti. Hanya dengan kembali kepada al-Quran, masyarakat dapat dibina semula berasaskan nilai keadilan, keseimbangan, dan ketakwaan, sekaligus melahirkan sebuah tamadun yang unggul, mapan, dan mampu menghadapi cabaran global dengan penuh hikmah dan integriti.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang wujud dalam penyediaan dan pelaksanaan kajian ini. Segala pandangan, analisis, dan cadangan yang dikemukakan adalah bersifat akademik dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, institusi atau kepentingan peribadi.

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak atas komitmen yang diberikan.

SUMBANGAN PENULIS

Haizuran Mohd Jani (Metodologi, Pengumpulan Data & Penulisan- draf asal)

Muhamad Fairuz Ali (Metodologi, Semakan Analisis Data, Penyuntingan)

PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

Al-Bukhari. (2002). *Sahih al-Bukhari* (Vols. 1–9). Dar Ibn Kathir.

al-Ghazali, A. H. (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Mubarakfuri, S. (1997). *Al-Raheeq al-Makhtum*. Dar al-Salam.

Asmawati Suhid. (2008). *Pendidikan akhlak dan adab Islam*. Utusan Publications & Bahasa dan Pustaka.

Farhan, H. A., & SS, M. (2018). *Metodologi penafsiran Al-Quran Muhammad Al-Ghazali*. Samudra Biru.

Hashim Musa. (2001). *Masyarakat dan tamadun al-Quran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Kathir, I. (2000). *Tafsîr Ibn Kathîr*. Dar-us-Salam.

Khaldûn, I. (2005). *From the Muqaddimah* (pp. 55–62). World Scientific Book Chapters; Maktabah Wahbah.

Mohd Kamal Hassan. (2011). *Faham agama dan pendidikan Islam*. Dewan Pustaka.

Qaradawi, Y. (1999). *Al-madkhal li dirasat al-shari'ah al-Islamiyyah*. Dar al-Shuruq.

Qaradawi, Y. (2010). *Islam: An introduction*. The Other Press.

Ramadan, T. (2008). *Islamic views of the collective: Building a better bridge*. Georgetown University Press.

Ramadan, T. (2014). *Radical reform: Islamic ethics and liberation*. Oxford University Press.

Rohani, A. (2022). *Konsep kepemimpinan dalam Islam (Analisis terhadap pemikiran politik Al-Mawardi)* (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara).

Sayyid Qutb. (2000). *Fi Zilal al-Quran*. Dar al-Shuruq.

Sidek Baba. (2009). *Membina generasi Qur'ani*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibn Taimiyah. (1963). *Majmu' Fatawa Syaikh al-Islam* (pp. 520–521). Matabi' al-Riyadh.

Ulwan, A. N. (2011). *Tarbiyat al-awlad fi al-Islam* (Vols. 1–2). Dar al-Fikr.

Wan Mohd Nor Wan Daud. (2013). *Budaya ilmu: Makna dan manifestasi dalam sejarah dan masa kini*. CASIS.

Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin (2012). *Pendidikan menurut al-Quran dan Sunnah serta peranannya dalam memperkasakan tamadun ummah*. Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22 www.ukm.my/jhadhari.